

BERITA UTAMA

- 3** BERKENAN BERANGKAT
MENUNAIKAN SEMBAHYANG
SUNAT HARI RAYA 'AIDILADHA
DAN PENYEMBELIHAN
BINATANG KORBAN

12



PENGURNIAAN AGIHAN
DAGING KORBAN
SEMPENA 'AIDILADHA

11

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam
di Seluruh Negara Bagi Tahun 2024

Bagi Bulan
JUN
29
Orang



- | | | |
|--|--|----|
| | Kepulangan Jemaah Haji
Negara Brunei Darussalam | 5 |
| | Ibadat Korban Mengeratkan
Silaturrahim | 7 |
| | <i>Grand Hajj Symposium</i>
Kali Ke-48 Tahun | 8 |
| | Menteri Hal Ehwal Ugama
Menerima Sumbangan Derma | 9 |
| | Muallaf Tidak
Ketinggalan Semarakkan
Ibadah Korban | 10 |

Zulkaedah/
Zulhijah
1445H

JUN
2024M
Bil 6 • Tahun 36



www.kheu.gov.bn



pdi@mora.gov.bn



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah •

PENOLONG PENASIHAT: Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah •

KETUA PENERBIT: Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan •

PENOLONG KETUA PENERBIT:

Qairunnisa binti Haji Jalil, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan •

PENYELARAS: Dahlan bin Chuchu •

KUMPULAN TENAGA KERJA: Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim •

Mohamad Zelihan bin Ahad •

Azizah binti Hidup • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

Suriati binti Haji Ali Hussin

Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani

PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:

Mohamad Zelihan bin Ahad

PEMBAHAGI MAJALAH:

Nurul Nabilah binti Masri •

GAMBAR: Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

DOA TERHINDAR DARI MASALAH

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

ERTINYA:
Tidak ada Tuhan melainkan Engkau, Maha Suci Engkau, Sesungguhnya aku adalah termasuk orang-orang yang zalim.



Keistimewaan 10 Hari Pertama Zulhijah

Se puluh hari pertama bulan Zulhijah adalah dianggap sebagai hari-hari yang paling mulia dan diberkati. Amalan shalih yang dilakukan dalam hari-hari ini sangat digalakkan dan mempunyai ganjaran yang besar.

Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Tiada amalan yang dilakukan pada hari lain yang lebih baik daripada amalan pada 10 hari ini. Para sahabat bertanya: Walaupun jihad? Baginda menjawab: Tidak juga jihad, kecuali jika seseorang keluar dengan nyawa dan hartanya dan tidak kembali lagi."

Di 10 hari pertama bulan Zulhijah adalah masa yang sesuai untuk memperbanyak ibadah seperti sembahyang, puasa, zikir, membaca al-Qur'an dan bersedekah. Amalan-amalan ini sangat dianjurkan kerana ganjarannya yang berlipat ganda. Hari-hari dalam bulan Zulhijah terutamanya hari Arafah adalah masa yang mustajab untuk berdoa.

Banyak ulama menganjurkan agar umat Islam memperbanyak doa dan memohon ampun serta keberkatan dari Allah Subhanahu wa Ta'alaa pada hari-hari tersebut. Umat Islam dianjurkan untuk memanfaatkan sepenuhnya bulan Zulhijah dengan memperbanyak amal ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Ta'alaa. ■

BERKENAN BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT HARI RAYA 'AIDILADHA DAN PENYEMBELIHAN BINATANG KORBAN


Oleh : Dahlan Chuchu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan beserta kerabat diraja berkenan berangkat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya 'Aidiladha bersama jemaah di Jame' Asr Hassanil Bolkiah.

KIARONG, Isnin, 10 Zulhijah bersamaan 17 Jun – Pujian takbir, tasbih dan tahmid bergema lagi di bumi Darussalam ini sebagai tanda syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'alaa atas kurniaannya, umat Islam di Negara Brunei Darussalam dapat menyambut Hari Raya 'Aidiladha 1445 Hijrah.

Berangkat mengimarahkan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha dan mendengarkan khutbah bersama jemaah yang hadir ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Di-



KHUTBAH Sunat Hari Raya 'Aidiladha yang disampaikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan Brunei.

Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1445H dan Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut menjunjung keberangkatan baginda ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia m.s. ■

« Pengiran Dato Seri Paduka
m.s.3 Haji Mohammad Tashim bin
Pengiran Haji Hassan.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Diikuti dengan khutbah sunat Hari Raya 'Aidiladha yang dibacakan oleh Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Mat Dain@Maidin, Timbalan Mufti Kerajaan.

Sejurus selesai Sembahyang Sunat Hari Raya 'Aidiladha, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda seterusnya berkenan menerima junjung ziarah daripada jemaah masjid sebelum ke acara sesi penyembelihan haiwan korban sunat baginda di pekarangan luar Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

Pada majlis tersebut, sebanyak empat ekor kambing disempurnakan penyembeliannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta diikuti paduka-paduka anakanda baginda.

Manakala penyembelihan haiwan-haiwan korban Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat baginda yang selebihnya disempurnakan di Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd., Tapak Perusahaan Rumah Penyembelihan di Kawasan Pertanian Kampong Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong dan Syarikat Mohammed Norfaizal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak di Lot G, Projek Ladang Ternakan Lampaki, Jalan Mulaut Lampaki, Kampong Mulaut.

Pada tahun ini, sebahagian daging ibadah korban sunat tersebut diagharkan kepada sejumlah 14,944 orang iaitu kepada asnaf fakir dan miskin berserta tanggungan di seluruh negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan berkenan menyempurnakan penyembelihan korban kambing.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota juga berkenan menyempurnakan penyembelihan korban kambing.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik juga berkenan menyempurnakan penyembelihan korban kambing.



PENYEMBELIHAN juga disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

KEPULANGAN JEMAAH HAJI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi Ke Negara Brunei Darussalam dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengalu-alukan kedatangan para jemaah haji bagi penerbangan pertama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Zulhijah bersamaan 24 Jun

Kerinduan kaum keluarga, sanak saudara dan sahabat handai kini terubat apabila serombongan 252 jemaah haji penerbangan pertama selamat pulang ke tanah air. Ini juga termasuk seorang pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan), seorang pegawai dari DSSB dan seorang pegawai dari SCA.

Penerbangan pertama para jemaah haji tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei kira-kira jam 9.14 pagi, menggunakan pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI 4222.

Para jemaah haji dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, dan Datin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Penggerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB);

Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan Datin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Rombongan jemaah haji bagi penerbangan pertama terdiri daripada 125 jemaah yang mengikuti Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), dan 124 jemaah mengikuti Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA).



ANTARA jemaah haji yang mengikuti penerbangan pertama.



ANTARA jemaah haji yang mengikuti penerbangan kedua.

ms. 5 Sementara jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi penerbangan kedua yang menggunakan Pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI 4224 selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei kira-kira jam 9.06 pagi. Seramai 252 orang jemaah haji termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan) dan Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) iaitu sebagaimana keterangan berikut, iaitu seramai tiga orang (seorang lelaki dan dua orang perempuan) daripada Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan) dan 249 orang (121 orang lelaki dan 128 orang perempuan) daripada Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB).

Manakala seramai 252 Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Penerbangan Ketiga selamat mendarat pada jam 8.53 pagi dengan menggunakan Pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI 4226. Mereka terdiri daripada seorang jemaah lelaki dan dua jemaah perempuan dari Pejabat Pegawai Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan); seorang jemaah lelaki dan dua jemaah perempuan Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); seterusnya, 19 jemaah lelaki dan 25 jemaah perempuan Syarikat Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd, 31 jemaah lelaki dan 23 jemaah perempuan Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd, manakala, 31 jemaah lelaki dan 28 jemaah perempuan

pada jam 8.44 pagi menggunakan pesawat Diraja Brunei BI 4228. Seramai 251 jemaah haji termasuk pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan) dan pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd.

Bagi penerbangan pertama doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat. Penerbangan kedua pula doa selamat dibacakan oleh Yang Mulia Awang Zulkifli bin Haji Murat, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Manakala doa selamat bagi penerbangan ketiga dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. Sementara penerbangan keempat doa selamat dibacakan oleh Penguasa Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Awang Haji Haris bin Haji Suboh. ■



ANTARA jemaah haji yang mengikuti penerbangan ketiga.



ANTARA keluarga yang turut menyambut kedatangan jemaah haji yang mengikuti penerbangan keempat.

IBADAT KORBAN MENGERAKKAN SILATURRAHIM

Oleh : Hjh Ratna Wati Haji Abdul Karim



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ugama berkesudian memotong dan melapah daging korban.

PENGKALAN BATU, Khamis, 13

Zulhijah bersamaan 20 Jun - Dalam sama-sama mengimarahkan rumah kegiatan agama dan memastikan ia sentiasa digunakan oleh pelbagai peringkat masyarakat dengan acara-acara keagamaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1445H/2024M di Rumah Kegiatan Ugama Kampong Bebuloh, Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim; dan Pemangku

Rosli bin Haji Ibrahim, dan isteri, Dayang Hajah Siti Norishan binti Haji Abdul Gafor; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd Karim dan isteri, Dayang Fairuz binti Haji Zolkigli; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh; Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim; dan Pemangku

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, dan isteri, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, dan isteri, Datin Hajah Norazimah binti Haji Ramlee.

Hadir sama, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed selaku Ketua Kampong Putat; Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad

Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Awang Haji Tamam @ Haji Ahmad Shah Tamami bin Haji Timbang. Turut hadir, ketua-ketua jabatan, para pegawai serta kakitangan di bawah KHEU.

Sebanyak empat ekor lembu dan lima ekor kambing telah dikorbankan untuk diagihkan kepada seramai 70 asnaf fakir dan miskin dan 66 asnaf muallaf daripada Mukim Pengkalan Batu.

Juga menerima agihan ialah peserta-peserta ibadah korban, ahli muzakarah kementerian, para jemputan dan ahli-ahli jawatankuasa yang hadir di majlis berkenaan.

Pengagihan daging disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri, diikuti oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri, dan diteruskan oleh Setiausaha Tetap, KHEU dan kemudian Pemangku-pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU. ■



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengagihkan daging korban kepada salah seorang penerima daging korban.

GRAND HAJJ SYMPOSIUM KALI KE-48 TAHUN

Oleh : Azizah Hidup



MEKAH, Selasa, 4 Zulhijjah bersamaan 11 Jun - Rombongan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwel Ugama (KHEU) yang diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwel Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan telah menghadiri Grand Hajj Symposium Kali Ke-48 Tahun 1445 Hijrah yang diadakan di Makkah Chamber of Commerce, Arab Saudi.

Turut serta menghadiri Grand Hajj Symposium berkenaan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi di Riyadh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid;

Pemangku Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah, Awang Haji Farhan bin Pehin Orang Kaya

Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani; Pengarah Urusan Haji selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Pentadbiran), Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad dan Pakar Bersekutu, Dr. Haji Muhammad Athaillah bin Haji Abdullah juga selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan).

Grand Hajj Symposium adalah acara tahunan yang diadakan oleh Kementerian Haji dan Umrah, Arab Saudi pada setiap menjelang musim haji.

Tema Grand Hajj Symposium Kali Ke-48 Tahun 1445H ini memfokuskan terhadap penekanan untuk mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan

dalam melaksanakan manasik haji khususnya tidak dibenarkan melaksanakan ibadat haji tanpa kebenaran yang sah (*tasrih*) sehingga ia dikira berdosa kerana melanggar hukum syariat yang ditetapkan oleh pemerintah-pemerintah dan para ulama Kerajaan Arab Saudi.

Grand Hajj Symposium Kali Ke-48 ini telah dihadiri oleh 500 peserta termasuk para ulama dan cendekiawan Islam dari seluruh dunia dengan tujuan untuk menyatukan dan meningkatkan kefahaman jemaah haji mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan perlaksanaan ibadat haji sehingga jemaah haji dapat melaksanakan ibadat haji dengan mudah, lancar dan sempurna.

Sumbangan derma tersebut adalah hasil kutipan daripada pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya. Turut hadir

MENTERI HAL EH WAL UGAMA MENERIMA SUMBANGAN DERMA

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



BERAKAS, Selasa, 26 Zulkaedah bersamaan 4 Jun

- Menteri Hal Ehwel Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Penasihat-penasihat Bersama Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 menerima sumbangan derma dari Jabatan Perdana Menteri bagi tabung berkenaan bertempat di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan derma tersebut disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, yang berjumlah BND24,871.05.

Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya. Turut hadir

bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin; serta pegawai-pegawai kanan dari JPM dan KKBS.

Tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah dilanjutkan sehingga 18 Julai 2024 bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk meneruskan aktiviti-aktiviti amal dan sumbangan derma kepada rakyat Palestin di Gaza.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih (100 peratus) disumbangkan kepada tabung berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma

sebahagian sahaja daripada hasil kutipan bersih yang diperoleh daripada mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu dari Kementerian Hal Ehwel Dalam Negeri.

Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023) atau melalui perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pelekat-pelekat (sticker) Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Peti-peti tabung juga disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung peniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

MUALLAF TIDAK KETINGGALAN SEMARAKKAN IBADAH KORBAN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



YANG Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku tetamu kehormat Majlis Ibadah Korban Sunat Kali Ke-11.



Awang Mohammad Naufal Azizi bin Mohammad Norisham, Pegawai Perkembangan Ugama (i-Ready) semasa menyampaikan bacaan surah al-Fatiyah dan Saiyidul Istighfar.

PULAI, Khamis, 13 Zulhijah 1445 bersamaan 20 Jun 2024

- Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Persatuan Nurul Islam (PNI) dan Kelas Bimbingan Muallaf (KBM) Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan Majlis Ibadah Korban Sunat Kali Ke-11 bertempat di Bilik Al-Mau'izhah, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah, Kampong Pulaie.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya berkesudian menyempurnakan pengagihan daging ibadah korban kepada para muallaf ialah Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Turut hadir, Yang Mulia Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong, Pemangku Pegawai Ugama Kanan; Yang Mulia Awang Haji Hazwan bin Abdullah, Yang Dipertua Persatuan Nurul Islam dan ahli jawatankuasa majlis serta para penerima agihan daging korban.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiyah dan Saiyidul Istighfar oleh Yang Mulia Awang Mohammad

Naufal Azizi bin Mohammad Norisham, Pegawai Perkembangan Ugama (i-Ready), Pusat Da'wah Islamiah.

Sebanyak empat ekor kerbau telah dikorbankan pada tahun ini. Daging-daging ibadah korban diagihkan kepada fakir dan miskin dari kalangan muallaf Daerah Brunei dan Muara. Mereka ini terdiri daripada muallaf penerima Projek Fathul Barakah, Muallaf Persatuan Nurul Islam, dan Muallaf Kelas Bimbingan Muallaf.

Majlis ini adalah acara tahunan Pusat Da'wah Islamiah dalam sama-

sama menyemarakkan syiar Islam di samping memupuk serta menyemai kesedaran terhadap tuntutan agama dan membantu orang-orang yang kurang berkemampuan.

Di samping itu juga untuk memeriahkan lagi hari-hari kebesaran Islam, meningkatkan keimanan dan ketaqwaan para peserta khasnya dalam perkara berkebajikan, sekaligus mengeratkan silaturrahim di kalangan warga Pusat Da'wah Islamiah dan para muallaf dalam kerja bergotong royong seperti melapah daging-daging ibadah korban.



YANG Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman selaku tetamu kehormat majlis ketika menyampaikan pengagihan daging korban kepada para muallaf.



Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu semua ke dalam Islam secara keseluruhan (dengan mematuhi segala hukum-hukumnya) dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu ialah musuh yang nyata.

Surah al-Baqarah ayat 208

Majlis Pengislaman JUN 2024



STATISTIK PENGISLAMAN


Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2024




Jumlah Keseluruhan JAN-JUN 2024
171 Orang

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

Belait



Temburong



PENGURNIAAN AGIHAN DAGING KORBAN SEMPENA 'AIDILADHA

Oleh : Dahlan Chuchu



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Zulhijah bersamaan

17 Jun - Pengagihan daging-daging ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda bersempena menyambut Hari Raya 'Aidiladha bagi Tahun 1445H/2024M berlangsung di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja dijunjung oleh Pengurus-pengurus Bersama

Majlis dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat baginda dan Majlis Sambutan Hari Raya 'Aidiladha di Istana Nurul Iman bagi Tahun 1445H/2024M.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat

Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan daging-daging ibadah korban kepada penerima khas yang terpilih daripada seluruh negara terdiri dari seramai 50 penerima khas lelaki, sementara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri pula berkenan mengurniakan daging ibadah korban kepada 50 penerima khas perempuan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Pada tahun ini, sebanyak 184 ekor sapi dan 14 ekor kambing dikorbankan, dan sebahagian daging ibadah korban sunat tersebut diagihkan kepada sejumlah 14,944 orang iaitu asnaf fakir dan miskin, serta ibu-ibu tunggal berserta tanggungan di seluruh negara. ■